

## **SKIM PINJAMAN YURAN PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA LUAR NEGARA**

Skim pinjaman ini diwujudkan bagi membantu para pelajar persendirian (tiada penaja) di luar negara untuk menjelaskan **Yuran Pengajian**. Jumlah pinjaman yang ditawarkan berdasarkan kepada **amaun sebenar yuran pengajian** (maksimum USD8,000.00 setahun) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pembiayaan adalah dalam bentuk pinjaman sepenuhnya dan tidak layak dipertimbangkan untuk mana-mana skim penghapusan/pengurangan bayaran balik.

### **SYARAT-SYARAT UMUM**

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu
- ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih juga boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

### **SYARAT-SYARAT KHUSUS:**

- i. Telah/sedang mengikuti pengajian sekurang-kurangnya pada tahun ke - 2 di **universiti/kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia** terutamanya dalam bidang/negara sebagaimana berikut :

**Jordan (Perubatan/Pergigian & Pengajian Islam)**

**Mesir (Perubatan/Pergigian/Farmasi)**

**India, Pakistan, Bangladesh, Russia (Perubatan)**

**Jerman, UK, US, Australia, Korea, Jepun (Sains/Kejuruteraan/Perakaunan)**

*Walaubagaimanapun permohonan dari pelajar di negara / bidang yang lain boleh juga memohon untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tajaan & Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.*

- ii. Memperoleh **CGPA 3.50** ke atas atau **Mumtaz/Jayyid Jiddan** (Timur Tengah) dalam keputusan peperiksaan tahun/sesi pengajian sebelumnya.
- iii. Tiada penaja.
- iv. Keutamaan dan pertimbangan khas kepada para pelajar tahun akhir.

## **KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi  
<http://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login>